

NEWSPAPER CLIPPING
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 20 / 08 / 2007

UMNO masih rakan kongsi terbaik MCA – Ka Ting

KUALA LUMPUR, 19 Ogos – Presiden MCA, Datuk Seri Ong Ka Ting hari ini menggesa anggota-anggotanya supaya berhenti mengkritik dan berasa kurang senang dengan beberapa kenyataan yang dibuat pada Persidangan Agung Tahunan UMNO tahun lepas.

Beliau berkata anggota MCA mesti menerima hakikat ini kerana tidak ada parti politik orang Melayu yang lain dapat bekerjasama dengan MCA.

“Kita tidak boleh menipu diri sendiri dan berfikiran bahawa satu hari nanti, UMNO akan hilang begitu sahaja. Ramai orang Melayu masih percaya hanya mene-

rusi UMNO hak mereka dilindungi dan inilah hakikatnya,” katanya ketika menutup Perhimpunan Agung Tahunan Ke-54 parti itu di sini.

Ka Ting berkata, MCA tidak sekali-kali akan bekerjasama dengan Pas dan Parti Keadilan Rakyat (PKR) walaupun PKR menyatakan mereka mahu melihat Dasar Ekonomi Baru (DEB) dimansuhkan.

“Kami masih ingat apabila (Penasihat PKR) Datuk Seri Anwar Ibrahim menjadi Menteri Pendidikan, sangat susah untuk mendapatkan kelulusannya dalam hal berkaitan sekolah Cina. Hari ini, kita telah membina 70 sekolah rendah Cina sejak

1999,” katanya.

Ka Ting berkata, masalah dalam UMNO sekarang hampir sama dengan masalah yang dihadapi MCA.

Seperti orang Melayu yang membuat permintaan kepada UMNO, orang Cina juga melakukan perkara yang sama dan ini menyebabkan konflik kepentingan, katanya.

“Jika Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mampu menyelesaikan semua permintaan daripada pelbagai kaum, tidakkan anda terfikir beliau akan lakukannya,” katanya.

– Bernama

UM- 20/8/2007